



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	28/10/2019	MUKA SURAT	: 9
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kementerian perluas dana hadapi bencana alam

Kubang Pasu: Kementerian Kewangan menyahutinkan permintaan kepada agensi lain termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk menyediakan bantuan (KPLB) untuk persediaan menghadapi bencana alam terutama pada musim tengkujuh. Perintah itu adalah selain daripada yang diberikan menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Terbaru, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah, berkata peruntukan yang disalurkan kepada KPLB digunakan untuk memberi krusus persediaan menghadapi bencana kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

"Pada minggu lalu contohnya setiap (kawasan) Parlimen perlu menghantar 20 MPKK mengikut

kursus itu di Institut Kenaharian Desa (INPRA) di Kajang, Selangor," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kamival Bulan Sukan Negara peringkat Kubang Pasu, di sini, semalam.

Amiruddin yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu, berkata MPKK itu dipilih daripada kawasan yang berisiko berlaku bencana dan mereka dilatih untuk mengendalikan kawasan masing-masing.

la termasuk memberi taktimat cara untuk membuka pusat pemindahan dan menempatkan ketika berlaku bencana supaya orang ramai turut membuat persediaan mental dan rohani.

Mengetai Barisan Sara Hidup (BSH), Kementerian Kewangan akan menyelesaikan semua ba-

nyan kepada individu yang berjaya membuat rayuan dalam masa terdekat. Kementerian sudah memaklumkan perkara itu kepada mereka yang layak mengikut kategori masing-masing.

"Bayaran peringkat ketiga sebelum ini telah pun selesai, cuma (bagi yang membuat) rayuan, bayaran sedang di proses dan ia akan selesai dengan segera," katanya.

Sementara itu di **Gua Musang**, Ketua Polis Daerah, Superintendan Mohd Taufik Maidin, meminta lebih 5,000 penduduk di kawasan rendah berdekatan tiga sungai utama daerah itu supaya membuat persiapan awal menghadapi kemungkinan berlakunya banjir.

la berikutan sudah menjadi ke-

biasaan Sungai Galas, Nenggiri dan Lebir naik mendadak sehingga melimpahi tebing apabila hujan lebat tanpa henti lebih lima jam.

"Antara kampung yang dikenal pasti mudah berlepan dengan kejadian banjir ialah Kampung Lantau Kasturi, Jeram Tekoh, Lebir Batu Payan dan Kampung Kundur. Penduduk di kawasan itu sudah terkejut limpahan air sungai," katanya.

Mohd Taufik berkata, polis sudah beresap siaga bagi menghadapi kemungkinan banjir musim tengkujuh ini termasuk mengadakan latihan kepada pemandu bot.

Latihan pengendali bot polis sudah diadakan di Sungai Nenggiri, Bertam baru-baru ini untuk cekapan anggota terutama sama-

sa mengharungi arus deras.

Anggota terbabit bersama bot akan segera dihantar ke kawasan berisiko banjir jika air sungai naik mendadak.

Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga sudah menyediakan bekalan makanan mencukupi untuk mangsa banjir.

Pusat pemindahan yang disediakan Jawatankuasa Bencana Banjir Jajahan termasuk dewan sekolah dan dewan orang ramai diperkembangkan.

"Kita sudah mengambil langkah awal bagi melakukan segala halangan apabila berlaku banjir," kata pegawai JKJM daerah, Hizani Ibrahim.